

# GARIS PANDUAN

PERMOHONAN PENANDAAN  
LOGO BARANGAN MALAYSIA



PRODUK MALAYSIA



BUATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

31/3/2023 **V8**

# KANDUNGAN

## PERKARA

## MUKA SURAT

### BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

1.1	LATAR BELAKANG	2
1.2	PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN	2
1.3	SKOP	3
1.4	OBJEKTIF	3
1.5	KATEGORI LOGO	4
1.6	RASIONAL LOGO	5
1.7	DEFINISI	6

### BAHAGIAN 2 : SYARAT DAN PERATURAN

2.1	PEMOHON YANG LAYAK	7
2.2	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	7
2.3	PENETAPAN KRITERIA BAGI SETIAP KATEGORI LOGO	8
2.4	PENENTUAN KATEGORI LOGO	8
2.5	TEMPOH PERMOHONAN	8
2.6	YURAN PERMOHONAN	8
2.7	TEMPOH SAH KELULUSAN	8
2.8	UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN TERPAKAI	9
2.9	PEMBATALAN KELULUSAN	9

### BAHAGIAN 3 : TATACARA PERMOHONAN

3.1	PROSEDUR PERMOHONAN BAHARU	10
3.2	DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN	10
3.3	PROSEDUR PERMOHONAN PEMBAHARUAN	12

### BAHAGIAN 4 : TATACARA PEMAKAIAN LOGO BARANGAN MALAYSIA

4.1	SYARAT PEMAKAIAN LOGO BARANGAN MALAYSIA	13
4.2	PENGGUNAAN DAN SPESIFIKASI LOGO	14

<b>LAMPIRAN A</b>	<b>CARTA ALIR BAGI PROSES PERMOHONAN BAHARU</b>	<b>18</b>
-------------------	---	-----------

<b>LAMPIRAN B</b>	<b>CARTA ALIR BAGI PROSES PERMOHONAN PEMBAHARUAN</b>	<b>19</b>
-------------------	--	-----------

## **BAHAGIAN 1: PENGENALAN**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk memproses dan mengeluarkan Sijil Kelulusan Penandaan Logo Barangan Malaysia kepada entiti perniagaan setelah memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

### **1.1 LATAR BELAKANG**

KPDN telah melaksanakan penarafan barangan keluaran tempatan melalui Penandaan Logo Buatan Malaysia sejak tahun 1997 bagi memberi pengiktirafan kepada pengilang dan pengeluar produk tempatan serta memartabatkan produk/barangan keluaran Malaysia. Melalui inisiatif ini, pengguna dapat mengenalpasti keluaran barangan tempatan dalam melakukan pembelian di samping menanam semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Inisiatif ini secara tidak langsung menggalakkan rakyat mengutamakan barangan tempatan sekaligus dapat membantu mempromosikan barangan keluaran tempatan untuk tujuan pasaran di dalam dan luar negara serta merancakkan ekonomi dan pembangunan industri tempatan.

### **1.2 PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN**

Bagi menggalakkan permohonan dan memberi peluang kepada lebih banyak pengilang dan pengeluar produk untuk mendapat pengiktirafan, satu usaha penambahbaikan telah dilaksanakan. Penambahbaikan ini telah membawa kepada penjenamaan semula Penandaan Logo Buatan Malaysia kepada Penandaan Logo Barangan Malaysia.

Garis Panduan Permohonan Penandaan Logo Buatan Malaysia pertama kalinya telah diterbitkan pada Disember 2014 (cetakan pertama) sebagai panduan kepada syarikat/entiti perniagaan yang ingin memohon Penandaan Logo Buatan Malaysia. Cetakan ini telah disusuli dengan cetakan kedua dan ketiga pada Januari 2017 dan November 2019. Berikutan penjenamaan semula ini, KPDN telah mengemas kini dan menerbitkan Garis Panduan Permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia pada Februari 2023.

### **1.3 SKOP**

Skop garis panduan ini meliputi:

- a) Tatacara permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia; dan
- b) Tatacara pemakaian Logo Barangan Malaysia.

### **1.4 OBJEKTIF**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan agar tatacara permohonan dan pemakaian Logo Barangan Malaysia lebih difahami, komprehensif serta dapat dipatuhi dengan baik dan efisien.

Objektif Garis Panduan Permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia adalah untuk:

- a) Menerangkan secara terperinci mengenai tatacara permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia;
- b) Menambahbaik dan memudahkan proses permohonan penandaan logo agar dapat dibuat secara teratur dan tersusun; dan
- c) Menjadi rujukan dan panduan bagi pemakaian Logo Barangan Malaysia.

## 1.5 KATEGORI LOGO

Logo Barangan Malaysia terbahagi kepada dua kategori logo iaitu:

### 1.5.1 Produk Malaysia



Barangan yang dihasilkan melalui aktiviti pengilangan/pemprosesan di Malaysia dan mengandungi minimum 40% bahan mentah tempatan.

### 1.5.2 Buatan Malaysia



Barangan yang dihasilkan melalui aktiviti pengilangan/pemprosesan di Malaysia serta melibatkan elemen transformasi/perubahan ketara (*substantial transformation*) pada bahan mentah yang digunakan tanpa mengambil kira peratusan bahan mentah tempatan.

## 1.6 RASIONAL LOGO

Pengiktirafan yang berterusan adalah pemangkin kepada keupayaan penghasilan barangan yang berdaya saing di pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Dengan konsep '*be the best among the best*', logo ini diharap dapat menjadi pendorong ke arah usaha yang lebih gigih dalam menghasilkan barangan keluaran Malaysia.

### a) Reka bentuk

Logo yang dihasilkan menitik beratkan usaha dan pengiktirafan yang berterusan yang menjadi sumber inspirasi masyarakat pengeluar barangan keluaran Malaysia melalui industri kecil, sederhana dan juga besar yang dilambangkan dengan tiga jaluran utama.

### b) Warna

Pemilihan warna adalah berdasarkan kepada warna asas Jalur Gemilang yang melambangkan keharmonian, berdaya saing dan berjiwa besar rakyat Malaysia.

### c) Rupataip

Perkataan PRODUK MALAYSIA dan BUATAN MALAYSIA dipilih dari jenis *Helvetica Regular* bagi menunjukkan pendirian dan pengukuhan masyarakat Malaysia.

## 1.7 DEFINISI

“**Pengusaha atau pengeluar**” ertinya pihak yang menjalankan perusahaan dan pengeluaran termasuklah pembuat, pengilang atau pemilik jenama bagi sesuatu barangan.

“**Pembuat**” ertinya seseorang yang terlibat dalam apa-apa aktiviti pembuatan atau penghasilan produk dalam skala yang kecil.

“**Pengilang**” ertinya seseorang yang melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti pengilangan. (Akta Penyelarasan Perindustrian 1975) [*Akta 156*].

“**Aktiviti Pengilangan**” dengan variasi gramatis dan ungkapan seasalnya ertinya membuat, mengubah, mengadun, menghiasi, memperkemas atau dengan cara lain merawat atau menyesuaikan apa-apa barang atau bahan memandangkan penggunaan, penjualan, pengangkutan, penyerahan atau pelupusannya dan termasuklah memasang bahagian dan membaiki kapal tetapi tidak termasuk apa-apa aktiviti yang biasanya berkaitan dengan perdagangan jualan runcit atau jualan borong. (Akta Penyelarasan Perindustrian 1975) [*Akta 156*].

“**Pemilik jenama**” merujuk kepada peniaga berdaftar yang mengeluarkan barangan atas jenama perniagaannya dan menghasilkan barangan melalui aktiviti pengilangan sendiri atau melalui pihak ketiga (*original equipment manufacturer- OEM*).

“**Transformasi/perubahan ketara (*substantial transformation*)**” merujuk kepada barangan yang dihasilkan melalui satu atau lebih aktiviti pemprosesan di Malaysia yang mana barangan tersebut mestilah berbeza dari segi identiti, bentuk asal atau sifat utama bahan mentah atau komponennya.

“**Bahan mentah tempatan**” merujuk kepada bahan mentah yang diperolehi daripada sumber atau pembekal tempatan dan melibatkan transaksi pembelian dalam Ringgit Malaysia.

“**Entiti perniagaan**” merujuk kepada Syarikat/ Perniagaan/ Perkongsian Liabiliti Terhad/ Pertubuhan/ Koperasi/ Persatuan yang diperbadankan/ didaftarkan di Malaysia.

“**SKU**” atau *stock-keeping unit* merujuk kepada jenis barangan yang menunjukkan ciri-ciri yang berbeza untuk dijual, dibeli atau dijejaki dalam inventori. [Contoh: **1.** Air mineral 500ml adalah SKU yang berbeza daripada air mineral 1.5 liter; **2.** Air minuman berperisa oren 500ml adalah SKU yang berbeza daripada air minuman berperisa anggur 500ml.] \*

*\*Bagi tujuan permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia, kelonggaran kelulusan diberikan kepada produk yang mempunyai kandungan bahan mentah yang sama tanpa mengambil kira elemen berat atau saiz pembungkusan.*

## **BAHAGIAN 2: SYARAT DAN PERATURAN**

### **2.1 PEMOHON YANG LAYAK**

Pemohon yang layak merujuk kepada pengusaha atau pengeluar yang memenuhi syarat permohonan dan kriteria Penandaan Logo Barangan Malaysia.

### **2.2 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- a) Hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau dengan badan-badan berdaftar yang lain;
- b) Mempunyai lesen operasi yang masih sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- c) Produk-produk yang dikeluarkan hendaklah melibatkan aktiviti pengilangan/pemprosesan; dan
- d) Memenuhi kriteria Logo Barangan Malaysia.



## **2.3 PENETAPAN KRITERIA BAGI SETIAP KATEGORI LOGO**

### **2.3.1 Produk Malaysia**

- a) Entiti perniagaan yang mengeluarkan barangan melalui aktiviti pengilangan/ pemprosesan di Malaysia; dan
- b) Memenuhi peratusan nilai kos bahan mentah tempatan minimum 40%.

### **2.3.2 Buatan Malaysia**

- a) Entiti perniagaan yang mengeluarkan barangan melalui aktiviti pengilangan/ pemprosesan di Malaysia; dan
- b) Barangan yang dihasilkan mempunyai bahan mentah tempatan kurang daripada 40% tetapi melibatkan elemen transformasi/ perubahan ketara (*substantial transformation*) pada bahan mentah yang digunakan.

## **2.4 PENENTUAN KATEGORI LOGO**

Kelulusan bagi penentuan kategori logo adalah tertakluk kepada penelitian permohonan dan pematuhan kriteria kategori logo oleh Jawatankuasa Penilaian Penandaan Logo Barangan Malaysia.

## **2.5 TEMPOH PERMOHONAN**

Kelulusan Penandaan Logo Barangan Malaysia dikeluarkan dalam tempoh 30 hari bagi permohonan lengkap.

## **2.6 YURAN PERMOHONAN**

Tiada sebarang yuran permohonan atau fi dikenakan kepada permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia.

## **2.7 TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN**

Tempoh sah pemakaian Logo Barangan Malaysia adalah tiga (3) tahun dari tarikh sijil kelulusan dikeluarkan.

## **2.8 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN TERPAKAI**

Sijil kelulusan penandaan Logo Barangan Malaysia ini adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*]. Penggunaan mana-mana Logo Barangan Malaysia tanpa kebenaran atau pun setelah tamat tempoh kelulusan boleh dikenakan tindakan.

## **2.9 PEMBATALAN KELULUSAN**

Kementerian ini BERHAK menarik balik atau membatalkan kelulusan penandaan Logo Barangan Malaysia ke atas produk yang telah diberikan, sekiranya berlaku pelanggaran terhadap syarat-syarat pemakaian dan penandaan Logo Barangan Malaysia atau pemalsuan maklumat semasa permohonan.

## BAHAGIAN 3: TATACARA PERMOHONAN

### 3.1 PROSEDUR PERMOHONAN BAHARU

Permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) melalui portal Kempen Beli Barangan Malaysia (<https://buymalaysian.com.my>).

Langkah-langkah yang perlu diikuti untuk proses pendaftaran adalah seperti berikut:

- a) Pendaftaran pengguna sistem (*user registration*);
- b) Pengisian maklumat entiti perniagaan;
- c) Pengisian maklumat produk dan SKU yang dimohon (langkah ini perlu disertakan dengan gambar produk, *artwork* pembungkusan produk dan carta proses pembuatan produk yang jelas);
- d) Serahan permohonan dalam sistem;
- e) Pembetulan maklumat oleh pemohon sekiranya berkaitan; dan
- f) Lawatan verifikasi ke kilang akan diadakan jika perlu.

Carta alir bagi proses permohonan baharu adalah seperti di **Lampiran A**.

### 3.2 DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

**3.2.1** Dokumen yang **wajib** disertakan bagi permohonan Penandaan Logo Barangan Malaysia adalah seperti berikut:

- a) Dokumen pendaftaran entiti perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan-badan berdaftar yang lain; dan
- b) Salinan lesen operasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menyatakan aktiviti “Membuat” atau “Memproses”.

**3.2.2** Dokumen-dokumen lain yang perlu disertakan sebagai dokumen sokongan adalah seperti berikut:

- a) Salinan lesen pengilang/ surat pengesahan untuk syarikat perkilangan dikecualikan daripada lesen pengilang oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) atau Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (sekiranya berkaitan);
- b) Salinan perjanjian di antara pemilik jenama dan pengilang OEM (sekiranya berkaitan);
- c) Perakuan kelulusan untuk mengilang dan lesen pensijilan barangan bagi kelengkapan elektrik yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) (sekiranya berkaitan);
- d) Salinan Perakuan Pendaftaran bagi Harta Intelek seperti Paten, Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian atau Hak Cipta daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) (sekiranya berkaitan);
- e) Surat Pengesahan Pelesenan Harta Intelek daripada MyIPO (sekiranya berkaitan);
- f) Surat pengesahan semakan label daripada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk produk makanan (sekiranya berkaitan);
- g) Salinan keputusan penilaian kandungan produk daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), KKM untuk produk kesihatan/ kosmetik dan makanan kesihatan (sekiranya berkaitan);
- h) Salinan sijil pengesahan keselamatan/kualiti produk daripada Agensi Kerajaan atau Agensi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau Badan-Badan Persijilan (sekiranya berkaitan);
- i) Salinan sijil pengesahan yang lain seperti Halal, GMP, HACCP dan MeSTI (sekiranya berkaitan);
- j) Salinan Borang Kastam Nombor 2 (K2) bagi produk yang dieksport (sekiranya berkaitan);
- k) Salinan laporan makmal/ sijil analisa makmal Jabatan Kimia Malaysia/ agensi makmal-makmal yang lain yang diiktiraf oleh Jabatan Standard seperti makmal, badan pensijilan dan badan pemeriksa (sekiranya berkaitan); dan
- l) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan (sekiranya diperlukan).

### 3.3 PROSEDUR PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Bagi kelulusan Penandaan Logo Barangan Malaysia yang akan tamat tempoh, pemohon perlu mengemukakan permohonan pembaharuan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat.

Permohonan pembaharuan Penandaan Logo Barangan Malaysia hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) melalui portal Kempen Beli Barangan Malaysia (<https://buymalaysian.com.my>) berdasarkan langkah-langkah berikut:

- a) Pengemaskinian pengisian maklumat produk dan SKU yang dimohon (langkah ini perlu disertakan dengan gambar produk, *artwork* pembungkusan dan carta proses pembuatan produk yang jelas);
- b) Serahan permohonan dalam sistem;
- c) Pembetulan maklumat oleh pemohon (sekiranya berkaitan).

Carta alir bagi proses permohonan pembaharuan adalah seperti di **Lampiran B**.

## **BAHAGIAN 4: TATACARA PEMAKAIAN LOGO BARANGAN MALAYSIA**

### **4.1 SYARAT PEMAKAIAN LOGO BARANGAN MALAYSIA**

- a) Surat kelulusan Penandaan Logo Barangan Malaysia yang diberikan tidak boleh diniaga, dipindah milik atau dipinda isi kandungannya;
- b) Kelulusan penandaan Logo Barangan Malaysia adalah berdasarkan kepada *Stock-Keeping Unit* (SKU) yang dinyatakan dalam sijil kelulusan dan spesifikasi produk dalam permohonan;
- c) Pihak yang menggunakan Logo Barangan Malaysia tidak dibenarkan mengubah/ menukar rupa bentuk dan warna asal Logo Barangan Malaysia;
- d) Penandaan Logo Barangan Malaysia ini masih tertakluk kepada semua undang-undang atau peraturan yang berkaitan. Pihak Kementerian berhak mengambil tindakan ke atas mana-mana pelanggaran bagi mana-mana syarat yang telah ditetapkan kepada pihak yang diberi kelulusan;
- e) Sebarang perubahan ke atas nama syarikat/entiti perniagaan, kilang/ premis dan alamatnya, bahan ramuan serta apa jua yang berkaitan dengannya termasuklah perubahan pada pembungkusan produk, hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP), KPDN Putrajaya secara bertulis;
- f) Semua pemohon yang telah diberikan kelulusan secara sah dibenarkan menggunakan Logo Barangan Malaysia pada produk berkenaan; dan
- g) Pihak Kementerian berhak mengambil tindakan ke atas mana-mana pelanggaran syarat yang telah ditetapkan kepada syarikat/ entiti perniagaan/ individu yang terlibat.

## 4.2 PENGGUNAAN DAN SPESIFIKASI LOGO

4.2.1 Pemohon yang diberikan kelulusan dibenarkan untuk menandakan Logo Barangan Malaysia pada setiap produk yang diluluskan. Tatacara dan reka bentuk logo hendaklah mengikut syarat-syarat yang digariskan.

4.2.2 Penandaan Logo Barangan Malaysia merangkumi dua kategori logo seperti diagram berikut:



**4.2.3** Manakala penggunaan Bahasa Inggeris pada logo adalah seperti berikut:

i)



ii)





**4.2.4** Logo hendaklah ditanda dengan jelas dan perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

a) Menggunakan rupataip (*typeface*) *Helvetica Regular & Bold* (pada perkataan Malaysia/ *Malaysian*“.

b) Skema Warna

i)



Cyan – 100 %  
Magenta – 60%



Yellow -100%  
Magenta -100%



Yellow -100%  
Magenta -10%

ii)



Black -100%



Black -70%



Black -30%

c) Penandaan logo dengan saiz 81.2mm x 63.8mm atau dengan saiz ratio.


d) Penandaan “Produk Malaysia/ Buatan Malaysia” hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja (*Malaysian Product/ Malaysian Made*).

e) Pihak yang menggunakan Logo Barangan Malaysia tidak dibenarkan untuk mengubah/ menukar reka bentuk dan warna asal Logo Barangan Malaysia.


f) Bagi penggunaan logo pada produk yang hanya melibatkan satu skim warna, perlulah mengguna pakai skala kepekatan warna (*opacity*) seperti para 4.2.4 (b) (ii) di atas.

**LAMPIRAN A: CARTA ALIR BAGI PROSES PERMOHONAN BAHARU**

**PROSES PERMOHONAN BAHARU LOGO BARANGAN MALAYSIA  
PORTAL KBBM**



**LAMPIRAN B: CARTA ALIR BAGI PROSES PERMOHONAN PEMBAHARUAN**  
**PROSES PERMOHONAN PEMBAHARUAN LOGO BARANGAN MALAYSIA**  
**PORTAL KBBM**





**BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP**

Aras 5, No 13, Persiaran Perdana  
Presint 2, 62623 Putrajaya

No Tel : 03 - 8882 6324/ 7013 / 5776

No Faks : 03 - 8882 5826